

Khairy: Pemuda tak patut merajuk jika tak jadi calon PRU
The Malaysian Insider
30 November , 2011

KUALA LUMPUR, 30 Nov - Ketua Pemuda Umno Khairy Jamaluddin mahu semua ahli pergerakan itu tidak mudah merajuk, marah atau sedih jika tidak terpilih sebagai calon atau tidak mendapat sebarang jawatan.

Khairy (gambar) berkata, Pemuda Umno hendaklah mencontohinya yang tidak pernah merajuk walaupun tidak dapat sebarang jawatan selepas memenangi jawatan ketua pergerakan dua tahun lepas.

"Walau saya tidak ada apa-apa, tapi saya tidak pernah marah kepada pucuk pimpinan," tegas beliau ketika menggulung perbahasan Persidangan Agung Tahunan Pemuda petang ini.

Sebaliknya, katanya, demi sayangkan kepada perjuangan, beliau tetap menerajui Pemuda Umno.

Katanya lagi, ada orang kata nasib beliau sama dengan Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang tidak mendapat sebarang jawatan setelah melepaskan jawatan ketua Pemuda.

"Saya selaku Ketua Pemuda merangkap Naib Presiden Umno sepatutnya ada jawatan dalam kerajaan. Sebaliknya Zahid adalah Pengerusi BSN yang dapat memberi kad kredit kepada para perwakilan Pemuda sedangkan saya tidak dapat beri apa-apa kepada Pemuda,"katanya.

Walaupun terpilih sebagai ketua Pemuda Umno pada 2009, Khairy tidak dilantik sebagai menteri atau timbalan menteri sebaliknya naib ketuanya, Datuk Razali Ibrahim dilantik sebagai Timbalan Menteri Belia dan Sukan.

Ahli Parlimen Rembau itu meminta ahli-ahli Pemuda yang mahu jadi calon jangan bimbang dari segi pemilihan calon kerana Presiden Umno mempunyai pelbagai maklumat.

The Malaysian Insider
Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider
Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/khairy-pemuda-tak-patut-merajuk-jika-tak-jadi-calon-pru/>